

# 16

## Meningkatkan Kemahiran Interaksi Lisan Pelajar Melalui Penggunaan Podcast

Sekolah Menengah Springfield



**Shariffa Amalsharaff Aledroos**

Shariffa\_amalsharaff\_SYED@schools.gov.sg



**Siti Nur'Aliah Binte Ghazali**

siti\_nurallah\_ghazali@schools.gov.sg

### Abstrak

Pelajar Menengah 3 didapati tidak berupaya berinteraksi secara lisan dengan baik. Pertuturan mereka tidak lancar dan isi-isi yang mereka ketengahkan tidak dapat dikembangkan dengan baik. Kemahiran ini perlu ditingkatkan untuk mempersiapkan pelajar menghadapi peperiksaan di peringkat nasional. Kajian ini dijalankan untuk meningkatkan kemahiran pelajar dalam menjana idea semasa bertutur dan mahir mengeluarkan isi dengan bernas. Dalam kajian ini, wadah Podcast sebagai media alternatif dipilih sebagai wahana utama bagi meningkatkan ketrampilan pelajar ini. Kajian ini dijalankan secara *asynchronous* dan *synchronous*. Dapatan awal kajian ini menunjukkan keupayaan interaksi pelajar dan menjana idea dapat ditingkatkan.

Kata Kunci: Podcast, interaksi lisan, menjana idea, media alternatif, interaksi pelajar



## PENGENALAN

Kemahiran interaksi lisan, sebagai salah satu kemahiran bahasa, merupakan komponen penting dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (Sekolah Menengah). Pelajar perlu berusaha memastikan pelajar mampu berkomunikasi melalui pertukaran lisan dalam konteks yang berbeza untuk tujuan yang berbeza. Menurut Roselan (2003), interaksi lisan merujuk kepada proses pertukaran ujaran menggunakan bahasa lisan, yang berlaku dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah merupakan interaksi sosial yang amat berpengaruh di sekolah.

## PERNYATAAN MASALAH

Penelitian awal mendapati pelajar didapati gagal menjana dan mengembangkan idea mengenai topik yang diberikan. Secara umumnya, perbualan pelajar tidak lancar dan tersekat-sekat. Ini mencerminkan ketidakfasihan pelajar untuk berbahasa di samping ketidakupayaan mengetengahkan pendapat. Ketidakfasihan bertutur dalam bahasa Melayu di samping ketidakupayaan mengetengahkan pandangan yang disokong dengan idea yang bernas ini sudah pasti akan menjejaskan kelakonan mereka semasa peperiksaan. Kemahiran interaksi lisan merupakan salah satu komponen yang perlu dikuasai pelajar agar mereka dapat berinteraksi dan berkomunikasi dengan fasih, yakin, cekap dan berkesan.

## TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meningkatkan keupayaan pelajar melahirkan pendapat menggunakan bahasa yang baik; dan
2. menilai keberkesanan penggunaan Podcast dalam membentuk keyakinan diri pelajar berbahasa Melayu.



## KAJIAN LEPAS

Penggunaan Podcast sebagai media alternatif dipilih untuk membantu guru meningkatkan kemahiran interaksi pelajar. Ini dapat disokong oleh Fitria, Vianti dan Petrus (2015) yang menjelaskan bahawa Podcast dapat menyumbang

kepada pencapaian bertutur pelajar. Podcast juga boleh dijadikan sebagai alat alternatif dan inovatif untuk meningkatkan keupayaan bertutur pelajar.

Proses menghasilkan Podcast juga boleh membantu pelajar mengembangkan kemahiran yang boleh diaplikasikan dalam dunia profesional zaman moden. Menurut Middleton (2009), Podcast yang dihasilkan pelajar meningkatkan kreativiti pelajar dalam tugas akademik mereka. Dale (2007) juga menekankan bahawa Podcast yang dihasilkan pelajar dapat membangunkan pemikiran kreatif dan kritis serta kemahiran untuk menyelesaikan masalah. Ini juga disahkan oleh Kemp et al. (2011) bahawa Podcast memberi peluang kepada pelajar untuk menjadi kreatif semasa menulis skrip audio dan merangka teknik untuk menarik pendengar.

Pelajar lebih rasa pemilikan apabila dapat menghasilkan Podcast mereka sendiri. Pelajar yang terlibat secara aktif dalam menghasilkan Podcast dapat menggunakan bahasa sasaran dengan kreatif dan autentik. Menurut Hsu, Wang dan Comac (2008), majoriti pelajar berasa lebih rasa pemilikan dan lebih menguasai pembelajaran mereka berbanding dengan tugas tradisional yang menggunakan kertas dan pensel. Tambahan, pelajar lebih bermotivasi apabila mengetahui yang hasil Podcast mereka akan didengarkan kepada khalayak ramai.

Mohammad Zadeh (2010) berpendapat bahawa Podcast merupakan bahan yang dapat meningkatkan motivasi pelajar dan meningkatkan keyakinan mereka untuk berinteraksi. Dengan menggunakan Podcast, guru juga dapat menyokong dan membimbing pelajar dalam suasana yang menyeronokkan. Begitu juga menurut Jordan (2007) yang berpendapat bahawa penggunaan Podcast memberi peluang kepada guru untuk meningkatkan lagi kemahiran bertutur pelajar. Selain faktor motivasi, pelajar juga akan lebih bertanggungjawab untuk menghasilkan tugas yang berkualiti dan bermakna. Dapatan ini dapat disokong McMinn (2008) yang berpendapat bahawa apabila pelajar dicabar untuk berkongsi Podcast mereka dengan orang lain, mereka mungkin akan berusaha lebih gigih dan melaksanakan tugas dengan lebih terperinci kerana mereka tahu bahawa rakaman Podcast mereka akan diperdengarkan oleh guru mereka.



## KAEDAH KAJIAN

Dalam kajian ini, Podcast telah digunakan sebagai wahana utama untuk meningkatkan kemahiran pelajar berinteraksi sesama sendiri dengan memberikan pendapat tentang sesuatu topik. Media Podcast ini dipilih kerana Podcast memerlukan pelajar menguasai beberapa kemahiran seperti mencari dan menganalisis maklumat, menghasilkan dan menyunting skrip serta melatih sebutan dan intonasi berulang kali (Phillips, 2015). Justeru, penggunaan Podcast diharapkan dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang seronok dan autentik. Kaedah kajian yang digunakan menggabungkan pendekatan kualitatif dan kuantitatif.

### Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan 5 pelajar Menengah 3 Ekspres dan 5 pelajar 3 Normal Akademik dari Kumpulan Berasaskan Subjek (SBB) yang mengambil Bahasa Melayu aliran Ekspres. Mereka mempunyai latar belakang dan aras kebolehan yang berbeza. Kumpulan ini dipilih sebagai subjek kajian untuk meningkatkan kemahiran interaksi lisan mereka.

### Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, beberapa instrumen kajian yang telah dikenal pasti untuk tujuan menganalisis dan memantau dapatan kajian adalah seperti berikut:

- Markah komponen ujian lisan pelajar bagi bahagian perbualan pada peperiksaan akhir tahun 2020 dan 2021. Instrumen ini penting untuk membandingkan dan menganalisis pencapaian pelajar sebelum dan sesudah pelaksanaan kajian ini.
- Media 'Podcast' – Media Podcast ini merupakan merupakan satu koleksi atau bentuk rakaman audio digital bersiri yang boleh dimuat turun atau didengar melalui saluran-saluran internet tertentu. Dalam kajian ini wadah penstriman digital Spotify menjadi wadah utama.
- Jawapan pelajar sebelum dan selepas intervensi yang dilakukan secara *Asynchronous*.

- Borang maklum balas pada akhir projek untuk mendapatkan respons pelajar mengenai pandangan mereka mengenai kajian ini ini.

## Prosedur Kajian

Kajian ini dijalankan selama 2 minggu pada cuti bulan Jun dan guru telah menetapkan 10 tema secara keseluruhan. Tema-tema yang dipilih bagi kajian ini agak luas dan menyentuh isu-isu sosial, kekeluargaan dan kemasyarakatan. Pelajar-pelajar tersebut telah dibahagikan ke dalam kumpulan dan pembahagian pelajar dalam setiap kumpulan ditetapkan oleh guru setelah mengambil kira profil pelajar yang berbeza. Guru memastikan setiap kumpulan mempunyai 3 anggota untuk menggalakkan pelajar berinteraksi dengan lebih aktif. Rujuk Jadual 1 untuk meneliti tugasan-tugasan yang telah dilakarkan dalam kajian ini.

**Jadual 1: Pelaksanaan Tugasan Kajian**

Tugasan 1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembentukan kumpulan</li> <li>• Pemilihan tema ditentukan guru</li> <li>• Tema-tema: Media sosial/ Alam sekitar/ Muzik/ Filem/ Hari Keharmonian Kaum/ Hari Kebangsaan/ Hari Raya Haji/ Pesta Belia Singapura/ Permainan Dalam Talian/ Sukan</li> </ul>
Tugasan 2	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelajar mengupas tema dengan mengenal pasti kata kunci.</li> <li>• Anggota kumpulan menentukan skop perbincangan dengan mengajukan beberapa isu berkenaan tema serta soalan-soalan yang boleh diajukan.</li> <li>• Guru meneliti soalan-soalan tersebut dan menambah nilai dengan meningkatkan kesedaran pelajar tentang isu-isu lain yang berkaitan dengan tema tersebut.</li> </ul>
Tugasan 3	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Anggota kumpulan melayari Internet untuk mencari informasi bagi menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan tema.</li> </ul>
Tugasan 4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Anggota kumpulan akan mengutarakan pendapat masing-masing berdasarkan informasi yang diraih dan berinteraksi sesama mereka.</li> </ul>
Tugasan 5	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Anggota kumpulan menghasilkan skrip Podcast dengan bimbingan guru untuk sesi rakaman di studio. Sebelum sesi rakaman di studio berlangsung, pelajar berlatih membaca skrip menggunakan wadah Zoom. Pada sesi ini, guru membetulkan kesilapan pelajar daripada aspek intonasi, sebutan dan gaya penyampaian. Bagi setiap episod, seorang pelajar ditugaskan menjadi pengacara dan dua orang pelajar yang lain akan dijemput untuk mengutarakan pendapat mereka berkenaan sesuatu topik tersebut.</li> </ul>
Tugasan 6	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pada akhir sesi rakaman bagi setiap episod Podcast, pelajar dapat mendengar kembali rakaman mereka dan mengenal pasti kesilapan pada sebutan, intonasi dan struktur ayat. Jika terdapat kesilapan yang ketara, pelajar dapat merakam semula episod tersebut dengan memperbaiki kesilapan mereka.</li> </ul>

Setelah menjalani keenam-enam tugas yang disediakan guru dan selesai merakam beberapa episod Podcast dan menunjukkan keyakinan yang tinggi beserta kemahiran interaksi yang baik, pelajar dikejutkan dengan peluang untuk menemu ramah Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga, Menteri Kedua Kesihatan dan Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwah Masyarakat Islam, Encik Masagos, tentang topik berkaitan dengan remaja dan pembangunan masyarakat.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berikut merupakan dapatan perbandingan pencapaian pelajar bagi kajian ini. Rujuk Jadual 2 untuk melihat pencapaian pelajar semasa praujian dan pascakajian. Data menunjukkan peningkatan markah setelah intervensi dijalankan dengan menggunakan wadah Podcast. Berdasarkan kajian ini, terdapat peningkatan pencapaian pelajar sebanyak 70% daripada markah praujian. Namun begitu, terdapat penurunan sebanyak 30% dari segi pencapaian pelajar.

Berdasarkan analisis yang dibuat, penurunan ini terjadi disebabkan respons pelajar yang agak tersasar daripada kehendak soalan dan bukan disebabkan kepayahan pelajar dalam mengekalkan perbualan terhadap topik. Selain daripada peningkatan yang terdapat dalam markah, pelajar juga menjadi lebih yakin dan lancar ketika berinteraksi semasa peperiksaan lisan. Hasil kajian ini amat memberangsangkan kerana penggunaan Podcast telah berjaya meningkatkan keyakinan pelajar untuk bertutur dengan lebih berkesan.

**Jadual 2: Perbandingan Pencapaian Pelajar**

S/N	PELAJAR	MARKAH PERBUALAN [40M]		
		TAHUN 2020 (sebelum intervensi)	TAHUN 2021 (selepas intervensi)	Perbandingan markah
1	Pelajar A	22	28	+6
2	Pelajar B	29	31	+2
3	Pelajar C	20	29	+9
4	Pelajar D	30	35	+5
5	Pelajar E	26	24	-2
6	Pelajar F	27	29	+2
7	Pelajar G	34	32	-2
8	Pelajar H	30	27	-3

9	Pelajar I	22	29	+7
10	Pelajar J	26	29	+3
<b>Peratusan pelajar yang menunjukkan peningkatan</b>				7 (70%)

Jadual 3 memaparkan respons dan maklum balas pelajar sebelum dan selepas menjalani program Podcast. Berdasarkan data yang terkumpul, kemampuan pelajar untuk mengembangkan idea semasa perbualan lisan setelah intervensi dijalankan dengan menggunakan wadah Podcast mencapai 90%. Pelajar yakin dapat mengembangkan idea mereka secara bernas. Keadaan ini amat berbeza sekali sebelum intervensi dijalankan. 80% pelajar berpendapat mereka tidak mampu mengembangkan idea mereka. Ini sekaligus menjejaskan kelancaran mereka semasa bertutur. Dapatan ini memberikan petanda yang memberangsangkan memandangkan pelajar sendiri memberikan respons individu mereka.

**Jadual 3: Respons Pelajar Terhadap Perkembangan Idea**

<b>Saya mampu mengembangkan idea...</b>	<b>SEBELUM</b>	<b>SELEPAS</b>
Tidak Setuju	80%	10%
Setuju	20%	90%

Jadual 4 menunjukkan maklum balas pelajar setelah selesai menjalani program Podcast. Data menunjukkan tahap keyakinan diri pelajar untuk menggunakan bahasa Melayu semasa perbualan lisan amat memberangsangkan. Pelajar mampu untuk berinteraksi dalam Bahasa Melayu dengan yakin dan lancar semasa perbualan lisan setelah intervensi dijalankan dengan menggunakan wadah Podcast. Berdasarkan kajian ini, 70% pelajar pada awalnya kurang yakin untuk berbual semasa perbualan lisan. Namun, selepas program Podcast dijalankan, 90% pelajar lebih yakin untuk berbual semasa perbualan lisan. Ini dapat dilihat pada markah peperiksaan lisan pelajar.

Selain daripada peningkatan yang terdapat dalam markah, pelajar juga menjadi lebih yakin dan lancar ketika berinteraksi semasa perbincangan-perbincangan yang diadakan di dalam kelas. Hasil kajian ini amat memberangsangkan kerana penggunaan Podcast telah berjaya meningkatkan keyakinan pelajar untuk bertutur dengan lebih berkesan. Ini dapat dilihat berdasarkan respon pelajar. 90% pelajar kini lebih yakin berbual secara lisan dengan menggunakan bahasa Melayu (Rujuk Jadual 4).

**Jadual 4: Respons Pelajar Terhadap Keyakinan Diri**

<b>Saya yakin berbual secara lisan...</b>	<b>SEBELUM</b>	<b>SELEPAS</b>
Tidak Setuju	70%	10%
Setuju	30%	90%

Satu tinjauan juga telah dilakukan untuk mendapatkan respons serta maklum balas mengenai penggunaan Podcast dan keberkesannya. Ternyata ramai pelajar yang mengatakan bahawa mereka telah berjaya menguasai kosa kata baharu yang telah membantu mereka dalam interaksi lisan. Secara tidak langsung, keyakinan pelajar bertutur juga meningkat dan mereka berasa seronok dengan pembelajaran di luar bilik darjah yang bersifat autentik, kontekstual dan relevan dengan kehidupan mereka.

Antara respons menarik yang diberikan oleh pelajar setelah menjalani aktiviti podcast ini adalah seperti berikut:

- Pelajar dapat mengatasi masalah kegugupan semasa bertutur
- Penguasaan kosa kata pekajar meningkat
- Pelajar dapat berfikir terlebih dahulu sebelum memberikan respons secara lisan
- Pelajar dapat mengatasi kelemahan individu yang menghambat mereka memberikan respons yang baik
- Pelajar yakin program ini dapat membantu rakan-rakan yang akan naik ke menengah 3 tahun berikutnya dan berharap program ini perlu diteruskan
- Pelajar mampu berfikir dan merangka skrip untuk membantu mereka berfikir secara berstruktur
- Pelajar mendapati pertuturan mereka lebih bermakna memandangkan kali ini mereka memahami apa yang mereka tuturkan.

**Jadual 5: Borang Maklum Balas Pelajar Tentang Penggunaan Podcast**

<b>Jelaskan pengalaman kamu menggunakan Podcast untuk meningkatkan kemahiran interaksi lisan.</b>	
Pelajar A	Saya dapat mempelajari perbendaharaan kata baharu dan memahami maksudnya. Saya berasa lebih yakin dan saya mempunyai lebih banyak idea tentang perkara yang perlu saya katakan atau balas jika saya bercakap dengan orang lain. Ucapan saya yang dahulu tidak jelas tetapi sekarang sudah menjadi semakin baik selepas melalui sesi pembelajaran interaksi lisan menggunakan Podcast. Semasa saya merakam untuk Podcast, saya gugup jadi pertuturan saya tidak lancar tetapi Podcast telah membantu saya dengan pertuturan dan sebutan saya.




Pelajar B	Podcast telah membantu saya dari segi mengembangkan idea dalam topik tertentu semasa ujian perbualan. Perbincangan dengan kumpulan mendedahkan saya dengan pelbagai idea yang boleh saya bincangkan dengan lebih mendalam. Dengan menjalani rakaman Podcast, ia telah memberi saya peluang untuk meningkatkan penguasaan kosa kata saya. Saya juga merasakan bahawa saya lebih yakin apabila hendak bertutur dalam Bahasa Melayu.
Pelajar C	Saya rasa projek Podcast telah menolong saya dengan pertuturan Bahasa Melayu dari segi kosa kata saya. Skrip yang ditulis bersama guru juga menolong saya untuk memikirkan respons yang sesuai. Saya rasa Podcast Bahasa Melayu ini baik untuk membantu pertuturan Bahasa Melayu saya terutamanya dalam peperiksaan lisan.
Pelajar D	Daripada program ini, saya dapat mempelajari tentang kelemahan saya semasa berinteraksi dalam Bahasa Melayu. Podcast telah membantu saya untuk mendapat markah tinggi bagi lisan. Saya harap aktiviti-aktiviti seperti ini boleh dibawa semula pada tahun hadapan untuk semua pelajar Menengah 3.
Pelajar E	Podcast berkesan dalam memperbaiki kemahiran interaksi saya kerana saya dapat pelajari kosa kata baharu yang digunakan di dalam skrip tersebut. Selain itu, Podcast juga menolong saya bertutur dengan lancar berbanding sebelum ini.
Pelajar F	Saya dapat memahami perkataan yang sukar dan dapat menggunakan perkataan tersebut semasa peperiksaan lisan dan saya nampak ada perbezaan dalam markah lisan saya pada tahun lepas dan tahun ini.

## KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian, penggunaan Podcast sebagai satu kaedah dapat meningkatkan keyakinan pelajar dalam berinteraksi dengan lebih berkesan. Hal ini dapat dilihat apabila pelajar menunjukkan peningkatan yang memuaskan dalam pencapaian ujian lisan akhir tahun. Melalui projek Podcast, pelajar juga dapat menguasai beberapa kemahiran secara berperingkat. Mereka bukan sahaja berjaya memperkasakan diri dari segi kosa kata dan pengetahuan baharu, mereka juga belajar untuk berkolaborasi dan melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran. Setelah itu, mereka menggunakan informasi yang didapati untuk membina isi bagi episod Podcast dan berlatih untuk bertutur menggunakan bahasa yang baik. Tambahan, rakaman Podcast diadakan dalam suasana yang tidak formal dan ini menyuntik keseronokan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Namun, faktor masa merupakan salah satu perkara yang akan dipertimbangkan oleh guru pada masa akan datang. Hal ini kerana masa merupakan hambatan terbesar kepada guru semasa melaksanakan projek Podcast disebabkan pengumuman cuti sekolah awal pada bulan Mei akibat kes COVID-19 yang meningkat. Sebagai langkah seterusnya, cara pelaksanaan projek Podcast ini juga akan diperhalusi lagi untuk memberi lebih banyak



masa kepada pelajar melakukan kajian dan perbincangan. Guru juga akan menggunakan strategi pembelajaran yang lebih kukuh dalam membimbing pelajar mencapai kemahiran interaksi yang lebih baik. Projek Podcast seterusnya juga akan melibatkan subjek kajian yang lebih besar mengikut peringkat umur dan tahap keupayaan pelajar untuk melihat keberkesanan Podcast dalam meningkatkan kemahiran interaksi lisan pelajar.

Guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Mohd Fuad Salim

## RUJUKAN

Dale, C. (2007). *Strategies for using podcasting to support the learning of tourism students*. *Journal of Hospitality, Leisure, Sport and Tourism Education*, 6(1), 49–57. <https://doi.org/10.3794/johlst.61.155>


Fitria, U., Vianty, M., & Petrus, I. (2015). *Using Podcast to Improve Students' Listening and Speaking Achievements*. *About Teaching*. Retrieved December 13, 2016 from <http://www.ejournal.unsri.ac.id/index.php/jenglish/article/download/2218/1036>

Hsu, H. Y., Wang, S. K., & Comac, L. (2008). *Using audioblogs to assist English language learning: An investigation into student perception*. *Computer Assisted Language Learning*, 21, 181–198. <https://doi.org/10.1080/09588220801943775>

Jordan, M. (2007). *What a podcast is and everything you need to know about podcasting*. *Technology in Education*. Retrieved January 13, 2017 from <http://www.americanchronicle.com/articles/viewArticle.asp?articleID=47099>

Kemp, J., Mellor, A., Kotter, R., Oosthoek, J. (2011). *Student-Produced Podcasts as an Assessment Tool: An Example from Geomorphology*. *Journal of Geography in Higher Education*. 36(1). 1–14. <https://doi.org/10.1080/03098265.2011.576754>

McMinn, S. (2008). *Podcasting Possibilities: Increasing Time and Motivation in The Language Learning Classroom*. European Institute for E-Learning. Learning Forum 2008, 212-215.



Middleton, A. (2009). *Beyond podcasting: creative approaches to designing educational audio*. In *Research in Learning Technology*, 17(2), 143–155. <https://doi.org/10.1080/09687760903033082>

Mohammadzadeh, B. (2010). *Podcasts: Teacher and Student Friendly Technology in Language Teaching and Learning*, *New Trends in Education and Their Implications*, 1193-1198.

Phillips, B. (2015). *Empowering students: Using technology-enhanced learning to foster learner autonomy*. In A. Trink (Ed.) *Pannonia Research Award: regionale und europäische Zukunftsfragen* (pp. 83–94). Graz: Leykam.

Roselan Baki. (2003). *Kaedah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.